

Pembangking berpaut pada mahkamah pendapat umum tonjol penipuan pilihan raya

Malaysian Insider

Aug 6 , 2013

OLEH V ANBALAGAN, PENOLONG PENGARANG BERITA

Selepas gagal dalam mahkamah undang-undang, Pakatan Rakyat kini berpaling kepada mahkamah pendapat umum untuk menekankan kesnya terhadap penipuan pilihan raya.

Pembangking akan membentangkan buktinya di hadapan dua suruhanjaya inkuiri dan Tribunal PRU Bersih untuk mendedahkan salah laku yang berlaku pada pilihan raya umum 5 Mei lalu.

Pakatan pembangking berkata, ini adalah laluan yang perlu diambil apabila petisyen yang difailkan di mahkamah dibuang walaupun sebelum merit kes didengar.

Pakatan yang merangkumi parti PKR, PAS dan DAP, dan Barisan Nasional (BN) memfailkan 69 petisyen dan hampir semuanya dibuang di peringkat bantahan permulaan.

Pempetisyen juga dikenakan bayaran kos tinggi, isu yang menimbulkan kebimbangan peguam, parti politik dan kumpulan berkenaan.

Mahkamah pilihan raya menganugerahkan RM150,000 kepada responden selepas membenarkan bantahan permulaan bagi kerusi DUN Kuala Berang di Terengganu.

Kes sama, hakim yang mendengar petisyen kerusi DUN Pasir Panjang, Perak, memerintahkan pempetisyen membayar RM120,000 kos kepada tiga responden, termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Bagi petisyen difailkan untuk kerusi Parlimen Balik Pulau, Pulau Pinang, satu lagi mahkamah pilihan raya memerintahkan bayaran kos RM120,000 kepada responden.

Ahli biro politik PKR, Sivarasa Rasiah, berkata memfailkan rayuan bagi kes petisyen berkenaan hanya sia-sia.

"Petisyen kita dibuang atas kesalahan teknikal dan kosnya amat tinggi. Ia adalah satu pembaziran masa dan wang untuk pergi ke mahkamah apex (persekutuan)," katanya.

Sivarasa berkata, setakat ini, tujuh petisyen yang difailkan PKR dibuang dan pempetisyen, sama ada calon atau pengundi, diperintahkan membayar jumlah lebih RM500,000.

Sivarasah, yang juga Ahli Parlimen Subang, berkata kerajaan negeri Pulau Pinang dan Selangor membuat keputusan untuk menubuhkan suruhanjaya inkuiri berhubung perkara ini dan ini akan menjadi satu lagi forum untuk mendedahkan perkara sebenar apa yang berlaku sebelum dan ketika pengundian, menerusi keterangan saksi.

Sementara itu, PAS membuat keputusan untuk membuat rayuan terhadap enam petisyen kerana mereka berpendapat, mahkamah pilihan raya mengambil pendekatan yang terlalu mengekang dalam membuang kes berkenaan.

"Kami berpendapat mahkamah tertinggi di negara ini patut diberi peluang untuk memperbetul kesilapan yang dibuat oleh hakim pilihan raya," kata Mohamed Hanipa Mydin,

Koordinator Pilihan Raya bagi parti Islam itu.

Hanipa, yang juga Ahli Parlimen Sepang, berkata proses undang-undang patut dilengkapkan dan orang awam mesti dibenarkan membuat kesimpulan mereka, sama ada kehakiman ada di situ untuk memastikan pilihan raya yang bebas dan adil.

"Orang awam akan membantah di jalanan pada masa depan apabila tempat undang-undang ditutup," katanya.

Hanipa berkata, 20 ahli Parlimen PAS juga akan menggunakan Dewan Rakyat untuk cuba membawa perubahan kepada undang-undang dan peraturan pilihan raya.

Hanipa yang juga seorang peguam berkata, apa yang paling penting ialah beliau mencadangkan jawatankuasa kerja PAS pusat menyertai tribunal pilihan raya.

"Semua ruang perlu diterokai untuk menyampaikan kepada masyarakat bahawa penipuan pilihan raya berlaku," katanya.

Pengerusi DAP, Karpal Singh, berkata parti itu adalah memfailkan tiga lagi petisyen yang belum didengar di mahkamah.

"Tetapi, melihat apa yang berlaku sepanjang dua minggu lalu, nampaknya petisyen kami juga akan turut dibuang," katanya.

Beliau berkata, jawatankuasa eksekutif pusat akan membuat keputusan untuk tindakan selanjutnya.

"Bagaimanapun, ia akan berbaloi untuk membawa kes kami ke tribunal untuk mendedahkan kepada umum apa yang tidak dapat kita dedahkan di mahkamah pilihan raya," katanya.

Bagaimanapun, beliau dengan pantas menambah hanya mahkamah yang dapat memperuntukkan penawar berkesan bagi petisyen seperti membatalkan keputusan pilihan raya dan memerintahkan pilihan raya kecil.

Tribunal PRU Bersih, ditubuhkan atas maklum balas orang ramai yang bimbang mengenai penipuan pilihan raya dan pengundian yang tidak mengikut undang-undang pada 5 Mei, dan tribunal itu bersedia mendengar aduan untuk lima hari bermula 18 September depan.

Enam individu yang terkenal dalam bidang masing-masing diketuai oleh Yash Pal Ghai, pakar dalam undang-undang persekutuan, akan mempengerusikan tribunal itu.

Aktivis hak asasi manusia yang juga Pengerusi Bersama Bersih 2, Datuk Ambiga Serrnevasan, berkata tribunal itu mungkin tidak ada kuasa undang-undang tetapi ia berkhidmat sebagai desakan moral untuk mendedahkan kepada umum penipuan pilihan raya. – 6 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pembangking-berpaut-pada-mahkamah-pendapat-umum-tonjol-penipuan-pilihan-raya>

